

T-Kitchen agih 12,000 nasi dagang

KUALA TERENGGANU - Terengganu Kitchen Sdn Bhd (T-Kitchen) akan mengagihkan 12,000 nasi dagang kepada pengunjung sempena Program Book Of Record,

The Longest Nasi Dagang (TDagang) Packet Line yang akan diadakan di Dataran Arafah, Quinara Al Safir Resort pada 26 Mei depan.

Penolong Pengurus Besar Bahagian Jualan dan Pemasaran, Rozeli Abdul Gani berkata, program yang akan disertai 220 peserta itu bertujuan untuk mengembalikan kegemilangan nasi dagang di samping mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2017 (TMT2017).

"Selain mencipta rekod Nasi Dagang Terpanjang di Malaysia dengan jarak 2 kilometer, program ini

juga bertujuan mempromosi makanan tradisional Terengganu sempena Tahun Melawat Terengganu 2017.

"Sebanyak 12,000 bungkus nasi dagang dimasak dengan kerjasama 10 usahawan dari Yaaqaa Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Pelajar dari Kolej Inforana," katanya pada sidang media The Longest Nasi Dagang (TDagang) Packet Line di Wisma Terengganu Incorporated di sini kelmarin.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, TDagang melalui T-Kitchen Sdn Bhd akan memperluas pasaran produk Nasi Dagang sejuk beku ke seluruh negara menjelang Oktober ini, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 50,000 bungkus.

Katanya, buat masa ini produk berkenaan boleh didapati di Kedai serbaneka 24 jam T-Mart Millik Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada harga promosi sebanyak RM8.50.

Projek Nasi Dagang sejuk beku ini dibangunkan pada Jun 2015 membabitkan kerjasama beberapa agensi iaitu Pusat Sains Kreativiti Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Yayasan Pembangunan Usahawan dengan kos permulaan operasi sebanyak RM200,000.

"Selepas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dibangunkan, akhirnya pihak kami dapat mengeluarkan produk berkenaan dengan kapasiti pengeluaran kilang sebanyak 500 bungkus sehari sejak Mac lalu," katanya.



Rozeli (kanan) bersama Pengurus Pembangunan Perniagaan YPU, Engku Mohd Hairulnizam Tuan Ahmad (tengah) dan Ketua Pengurusan Portfolio Pelaburan Terengganu Incorporated (TI), Norashikin Osman memegang produk nasi dagang sejuk beku yang dihasilkan.